

20 Mac 2023

Ibu Pejabat JUPEM

Aktiviti Gotong Royong Perdana Ibu Pejabat JUPEM Tahun 2023



Bersempena dengan Sambutan Hari Juruukur Sedunia 2023 atau *Global Surveyors' Day 2023* (GSD 2023), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah mengadakan Program Gotong Royong Perdana bertempat di Kompleks Ibu Pejabat JUPEM bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Penyertaan program ini adalah terdiri daripada pegawai serta seluruh warga Ibu Pejabat JUPEM.

Objektif gotong-royong ini diadakan adalah untuk memastikan kawasan persekitaran JUPEM berada di dalam keadaan bersih, teratur dan kondusif selain dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga JUPEM.

Sesi gotong-royong ini adalah melibatkan pembersihan di dalam pejabat dan di perkarangan luar pejabat. Antara aktiviti gotong-royong ini adalah membersihkan kawasan air yang bertakung, longkang-longkang yang tersumbat dan semak samun di sekitar Ibu Pejabat JUPEM.

